

/C? -jT pW\_

**PARLIMEN**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARIISNIN : 14 NOVEMBER 2011**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 9  
HINGGA 41)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 [RUJUK  
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

**SOALAN NO. 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARI PAD A YB DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI**

**(KUALA NERUS)**

**TARIKH 14 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri (Kuala Nerus) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan nilai bantuan kepada rakyat selari dengan kos hidup yang semakin meningkat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang diPertua,

Selaraskan dengan prinsip Kerajaan yang prihatin terhadap kesejahteraan

golongan yang memerlukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sememangnya mengambil perhatian terhadap kos hidup yang semakin meningkat akibat kenaikan harga barang dan perkhidmatan. Justeru KPWKM dari semasa ke semasa mengkaji semula kadar bantuan dan kelayakan bagi permohonan bantuan.

Dalam hal ini, Kerajaan mulai tahun 2008, telah menaikkan kadar kelayakan memohon bantuan daripada RM400 ke RM720 sebulan untuk Semenanjung Malaysia, RM830 sebulan untuk Sarawak dan RM960 sebulan untuk Sabah. Kadar ini adalah berdasarkan kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang ditetapkan oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi (EPU). Langkah ini telah melayakkan lebih ramai golongan yang memerlukan untuk menerima bantuan kebajikan.

Selain itu, Kerajaan juga telah menyelaras semula kadar bantuan beberapa skim seperti berikut:

**Mulai bulan Januari 2008:**

1. Kadar Bantuan Orang Tua (BOT) telah dinaikkan daripada RM200 sebulan kepada RM300 sebulan;
2. Insentif kepada golongan OKU melalui Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) telah dinaikkan kadarnya daripada RM200 sebulan ke RM300 sebulan;
3. Selain itu, syarat pertimbangan kelayakan siling pendapatan OKU yang

bekerja juga telah dinaikkan daripada RM750 kepada RM 1,200 ke bawah. Dengan kenaikan ini lebih ramai OKU yang bekerja layak untuk menikmati Elaun Pekerja Cacat (EPC); dan

4. Memperkenalkan skim bantuan baru iaitu Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar dengan kadar RM300 sebulan seorang bagi mengurangkan bebanan kepada penjaga yang menjaga mereka.

**Mulai bulan Januari 2009**, skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja telah diluluskan pelaksanaannya di mana kadar bantuan adalah sebanyak RM150 sebulan seorang kepada golongan OKU yang berusia antara 18 hingga 59 tahun dan tidak mampu bekerja.

**Mulai tahun 2011**, pemberian bantuan turut diperluaskan kepada pesara kerajaan atau balu yang menerima pencen kurang daripada RM720 sebulan di bawah Program Kebajikan Rakyat 1 Malaysia (KAR1SMA). Kadar bantuan bergantung kepada skim yang layak dipertimbangkan setelah siasatan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua,

Semua inisiatif ini menunjukkan Kementerian sentiasa berusaha menghalusi kadar bantuan sedia ada dan meluaskan skop golongan penerima bantuan supaya segala usaha ini menepati objektif dan sejajar dengan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk membasmi kemiskinan serta memastikan segala bantuan yang disediakan dapat di terima oleh kumpulan sasaran.

Selain itu, selaras dengan situasi semasa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil tindakan proaktif untuk meneliti semula kriteria pemberian bantuan dan kadar bantuan kebajikan masyarakat. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan pihak kerajaan.

NO. SOALAN : 10

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

PERTANYAAN  
DARIPADA

**LISAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**

**TARIKH**

**[POKOKSENA]**

**14.11.2011 (ISNIN)**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

menyatakan apakah langkah penarikan dan pengurangan subsidi kepada rakyat sebagai langkah terbaik untuk mengelak peningkatan kos sara hidup rakyat khususnya kenaikan harga barang dan senaraikan jadual dan jumlah dalam Ringgit Malaysia serta jenis barang atau bahan yang terlibat dalam penarikan dan pengurangan subsidi ke atas rakyat dari tahun 2008 hingga 2019.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman ahli dewan yang mulia, Kementerian sentiasa mengkaji dan menyemak harga barangan kawalan dari semasa ke semasa. Ini selaras dengan peredaran masa dan berdasarkan kepada harga pasaran dunia.

Barang-barang kawaian bagi produk makanan yang disubsidi oleh Kerajaan adalah gula, tepung gandum, beras ST15 dan minyak masak. Daripada barangan kawaian tersebut, hanya gula dan tepung gandum dibawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Akta Kawaian Bekalan 1961 dan Akta Kawaian Harga dan Antipencatutan 2011. Manakala bagi beras ST15 adalah dibawah kawal selia Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan minyak masak di bawah pengurusan kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi.

Kerajaan melalui Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dari semasa ke semasa membuat kajian ke arah proses meliberalisasikan subsidi termasuk produk makanan secara berperingkat-peringkat. Bagi memastikan penggunaan peruntukan sumber kewangan Kerajaan secara optimal. Budaya pemberian subsidi ini perlu diubah bagi mengurangkan kebergantungan rakyat terhadap Kerajaan dan merealisasikan hasrat Kerajaan ke atas negara berpendapatan tinggi.

Pada tahun 2010, Kerajaan telah membuat penjimatan sebanyak RM 18.96 juta apabila harga gula dinaikan sebanyak 2 kali iaitu pada Julai dan Disember 2010, manakala pada tahun 2011, penjimatan sebanyak RM160.60 juta apabila harga gula dinaikan sebanyak 20 sen sekilogram mulai 10 Mei 2011. Hasil penjimatan tersebut digunakan untuk membiayai program-program social yang lain seperti dalam bidang pendidikan dan kesihatan.

Bagi tepung gandum dan minyak masak, tiada kenaikan harga dilaksanakan dalam tempoh tahun 2008 hingga 2011. Kenaikan akhir harga minyak masak dilaksanakan pada tahun 1997. manakala kenaikan harga tepung gandum hanya berlaku pada tahun 2007.

Bagi produk bahan api, kenaikan harga berlaku sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2010 akibat perubahan harga dipasaran global dengan penjimatan



sebanyak RM7.5 juta setahun.

**NO. SOALAN: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' HENRY SUM AGONG</b>
	<b>[LAWAS]</b>
<b>TARIKH BERSIDANG</b>	<b>14 NOVEMBER 2011</b>
<b>SOALAN</b>	

**Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah pembinaan bangunan hospital baru daerah Lawas dijalankan dan bilakah ianya dijangka siap.**

**Tuan Yang Dipertua**

**Pembinaan hospital baru Daerah Lawas akan dilaksanakan secara berfasa. Memandangkan hospital baru akan dibuat diatas tapak sedia ada, pihak KKM perlu memindahkan peralatan dan pesakit ke lot rumah kedai untuk dijadikan hospital sementara bagi membolehkan bangunan hospital sedia ada dirobohkan. Sehubungan dengan itu, kerja-kerja Fasa 1 yang melibatkan kerja-kerja ubahsuai lot rumah kedai dengan kos yang diluluskan**

sebanyak RM4 juta.



Pada masa kini, pihak Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) sedang menjalankan kerja-kerja penyiasatan integriti struktur bangunan rumah kedai. Kerja-kerja *decanting* akan dilaksanakan sebaik sahaja JKR memperolehi laporan lengkap penyiasatan daripada IKRAM yang dijangka siap pada bulan November 2011. Mengikut jadual, kerja-kerja *decanting* perlu disiapkan dan semua kemudahan hospital dipindahkan pada bulan Disember 2011.

Fasa kedua pembinaan Hospital Lawas dijangka bermula sebaik sahaja kerja-kerja *decanting* selesai dan dijangka siap pada tahun 2015. Kos pembinaan Hospital Lawas selepas *Value Management* adalah sebanyak RM156 juta.

**SOALAN NO: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2011**

**SOALAN** :

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menguatkuasakan sumbangan politik yang mempunyai impak ke atas keputusan politik yang membawa kepada favoritisme, kronisme amalan rasuah dan urus tadbir yang buruk.

JAWAPAN: Y.B. DATUK LIEW VUI KEONG

TIMBALAN MENTERI Di JABATAN PERDANA

MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pertubuhan politik didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pertubuhan yang mempunyai punca kuasa daripada Akta Pertubuhan 1966. Oleh yang demikian, Pertubuhan Politik adalah sebuah pertubuhan yang didaftarkan serta dipantau oleh Pejabat Pendaftar Pertubuhan (*Registrar of Societies*) dan tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan di bawah Akta Pertubuhan 1966 serta Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 (Akta 5) Subseksyen 19(1)(a) dan

(b) telah menetapkan had perbelanjaan bagi pilihan raya Dewan Rakyat tidak lebih daripada RM200 ribu dan untuk Dewan Undangan tidak lebih daripada RM100 ribu.

Selain itu, Pertubuhan politik sebagai pertubuhan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 juga tertakluk kepada Seksyen 14(1)(db) Akta Pertubuhan 1966 yang memperuntukkan bahawa apa-apa wang atau harta atau faedah termasuklah keuntungan pekuniari yang diterima daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau sesuatu organisasi, pihak berkuasa, kerajaan atau mana-mana agensi kerajaan di luar Malaysia perlulah diisytiharkan dalam penyata tahunan pertubuhan tersebut.

Di samping itu, Kerajaan melalui NKRA Memerangi Rasuah telah mendapat kerjasama Pendaftar Pertubuhan (*Registrar of Societies*) untuk menggubal garis panduan baru mengenai prosedur sumbangan politik iaitu:

- (a) Semua sumbangan politik hendaklah dibuat atas nama parti dan bukannya nama individu.
- (b) Semua sumbangan politik hendaklah direkodkan dan

dikeluarkan resit penerimaan.

(c) Akaun parti hendaklah boleh diaudit.

Mewujudkan peraturan dan kawalan ke atas dana politik merupakan salah satu daripada inisiatif NKRA Memerangi Rasuah di bawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) bagi membanteras rasuah dan persepsi rasuah dalam bentuk sumbangan politik. Kerajaan juga sedang mempertimbangkan rekomendasi berhubung sumbangan politik daripada pihak *Transparency International Malaysia* (TI-M) untuk dilaksanakan bagi meningkatkan tahap ketelusan dalam sumbangan politik. Setakat ini 8 daripada rekomendasi pihak TI-M sedang dikaji kesesuaiannya untuk pelaksanaan sama ada secara menyeluruh ataupun sebahagian dan ada juga yang mungkin akan diubahsuai bagi menyesuaikan pelaksanaannya dengan keadaan dan budaya di Malaysia.

Bagi memastikan penggubalan dan pelaksanaan peraturan yang komprehensif, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan melalui NKRA Rasuah adalah mengadakan perbincangan meja bulat bersama agensi-agensi yang berkaitan bagi mendapatkan rumusan terbaik bagi pelaksanaan inisiatif ini.

Langkah seterusnya yang sedang dilaksanakan oleh agensi berkenaan adalah mengkaji dan menyemak akta di bawah bidang kuasa masing-masing bagi meneliti sekiranya terdapat percanggahan di antara satu akta dengan akta yang lain dan sekiranya memerlukan pindaan. Di antara agensi yang terlibat adalah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan untuk mengkaji kembali Akta Pertubuhan 1966,

Suruhanjaya Pilihan Raya sedang mengkaji Akta Pilihan Raya 1958 manakala Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menyemak Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Bank Negara Malaysia menyemak *Anti Money Laundering and Anti Terrorism Financial Act 2001* (AMLATFA). Inisiatif ini juga mendapat kerjasama dan sokongan padu daripada Jabatan Peguam Negara yang turut terlibat mengkaji dan menyemak Akta-akta berkaitan dan bersedia untuk meminda peruntukan-peruntukan Akta-akta tersebut sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.



**PERTANYAAN** **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAB LISAN**

DARIPADA

TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN 14

TARIKH

NOVEMBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

NO. 13

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ] minta

MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :

- (a) jumlah pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di 20 IPTA (berdasarkan kaum) dan bidang pengajian mereka; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menaik taraf kualiti pengajian tinggi di IPTA di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga Februari 2011, terdapat seramai 453,629 pelajar sedang melanjutkan pengajian di 20 IPTA dalam pelbagai peringkat dan jurusan pengajian. Pecahan enrolmen pelajar berkenaan adalah seramai 429,007 pelajar tempatan dan seramai 24,622 pelajar antarabangsa. Daripada jumlah pelajar tempatan, seramai 328,309 adalah pelajar kaum Melayu, 43,624 pelajar kaum Cina, 11,639 pelajar kaum India, 260 pelajar Orang Asli, 21,616 pelajar Bumiputera Sarawak/Sabah dan 23,559 adalah lain-lain. Manakala

enrolmen di 20 IPTA berdasarkan jurusan pengajian kritikal umpamanya program kejuruteraan ialah seramai 73,088 pelajar, program perakaunan seramai 24,293 pelajar, program perundangan seramai 10,256 pelajar, program perubatan seramai 9,932 pelajar, program farmasi seramai 3,258 pelajar dan program pergigian seramai 1,859 pelajar.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti IPTA agar setanding dengan universiti terbaik dunia. Kementerian menerusi Malaysian Qualifications Agency (MQA) telah melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) yang merupakan satu penilaian penarafan untuk mengukur kualiti, kebertanggungjawaban serta prestasi institusi pengajian tinggi tempatan.

Kementerian amat memahami bahawa tuntutan untuk memperkasakan Institusi Pengajian Tinggi disamping meningkatkan ranking dunia amat bergantung kepada beberapa faktor seperti penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi, bilangan pensyarah PhD, peningkatan dalam R&D dan pengkomersilan hasil penyelidikan. Dalam meningkatkan mutu dan kualiti tenaga akademik IPT, kementerian telah menyediakan biasiswa untuk tujuh skim latihan tenaga pengajar berjumlah 515.4 juta ringgit.

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) juga merupakan elemen penting dalam pemerksaan sesebuah universiti. Bagi

**menggalakkan aktiviti R&D, Kerajaan sentiasa meningkatkan**

peruntukan dana penyelidikan setiap tahun. Melalui Bajet 2012, kementerian telah diperuntukkan sebanyak 400 juta ringgit untuk dana penyelidikan fundamental berbanding 368 juta ringgit pada tahun lalu. Selain itu, untuk meligatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan di IPT yang berimpak tinggi, peruntukan telah diberikan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) sebanyak 51 juta ringgit dan Universiti Malaya (UM) sebanyak 22 juta ringgit untuk Program Inkubator Modal Insan Inovasi yang bertujuan menjana industri, paten dan perniagaan baharu hasil-hasil penyelidikan di IPT.

Usaha-usaha lain yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan aktiviti R&D dan pengkomersilan antaranya ialah menubuhkan universiti penyelidikan (*research university*); mewujudkan Pusat Pengurusan Penyelidikan di setiap IPTA; dan mewujudkan kerjasama pintar dengan pihak industri yang secara langsung dapat meningkatkan lagi pelaburan dalam penyelidikan.



PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

JAWAB LISAN  
DR. RAMASAMY A/L PAL AN IS AMY  
14 NOVEMBER 2011 (ISNIN)  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
NO. 14

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengapa tiada seorang pun daripada golongan kaum Cina dan India yang dilantik sebagai Naib Canselor di sebarang institusi pengajian tinggi awam di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan Naib Canselor IPTA dilaksanakan berdasarkan peruntukan Seksyen 4A, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2009). Dalam membuat pemilihan seseorang Naib Canselor, satu Jawatankuasa Tetap Carian Naib Canselor ditubuhkan bagi mengenal pasti, menilai, menemu duga serta memperakukan calon yang berkelayakan. Penilaian Jawatankuasa tersebut adalah berpandukan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan meliputi aspek kepimpinan, berintegriti, mempunyai reputasi yang tinggi di peringkat antarabangsa, mempunyai rekod akademik dan perkhidmatan cemerlang, serta kriteria-

kriteria tambahan yang bersesuaian dengan *niche area* universiti berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan ke jawatan utama di IPTA seperti Naib Canselor, Timbalan Naib Canselordan Dekan dibuat berdasarkan merit tanpa mengira kaum, agama dan warna kulit. Pada masa ini,jawatan pengurusan tertinggi IPTA seperti Timbalan Naib Canselor dan Dekan telah disandang oleh pelbagai kaum termasuk kaum Cina dan India.

**NO. SOALAN: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH  
[ JASIN ]**

**TARIKH 14 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:-**

- (a) adakah projek berimpak besar seperti MRT (My Rapid Transit) dan projek-projek lain di bawah Projek Permulaan (EPP) bakal terjejas jika ekonomi negara Amerika Syarikat dan Eropah terus merudum; dan
- (b) jika ya, apakah jaminan Kerajaan dan pelan pemulihan yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan.

**Jawapan**

Yang Dipertua,

Kerajaan maklum akan situasi ekonomi antarabangsa akibat krisis hutang di Eropah terutamanya di Greece. Walaupun bagaimanapun, penunjuk ekonomi menandakan bahawa Malaysia berada di posisi yang kukuh untuk menghadapi krisis ekonomi. Antara penunjuk-penunjuknya adalah, industri perbankan dan sistem kewangan Malaysia kekal kukuh

dengan 'risk-weighted capital ratio' pada 14.8%, jauh melebihi keperluan antarabangsa sebanyak 8%. Rizab antarabangsa kita teguh, mencatatkan RM414.5 billion pada 15 September 2011, memadai untuk membiayai 9.5 bulan tanggungan import dan 4.5 kali hutang luar negara jangka pendek.

Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk menghadapi cabaran dalam ekonomi antarabangsa. Salah satu daripadanya adalah untuk merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri, khususnya melalui pelaburan awam dan swasta, serta penggunaan swasta.

Pelaburan awam dan swasta masing-masing dijangka meningkat sebanyak 15.9% dan 7%, disokong oleh kadar FDI yang lebih tinggi, pelaksanaan program ETP dan projek-projek di bawah RP2 untuk RMK-10. Ini dapat dilihat dalam Bajet 2012, di mana sejumlah RM232.8 billion diperuntukkan untuk melaksanakan semua rancangan pembangunan Kerajaan. Untuk mempertingkatkan pelaburan, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah. Sebagai permulaan, Kerajaan akan meliberalisasikan 17 subsektor perkhidmatan dengan membenarkan sehingga 100% penyertaan ekuiti asing dalam subsektor terpilih. Selain itu, Treasury Management Centre' ataupun Pusat Pengurusan

Perbendaharaan akan ditubuhkan dan menawarkan insentif untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat kewangan yang berdaya saing. 'Kuala Lumpur International Financial District' juga akan dibangunkan dengan insentif pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat-syarikat. Sebagai tambahan, Insentif cukai telah disediakan untuk mengembangkan sektor perbankan Islam.

Untuk penggunaan swasta, ia dijangka meningkat sebanyak 7.1% berikutan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan peluang pekerjaan yang lebih menggalakkan. Dari segi pembekalan, sektor perkhidmatan dijangka berkembang sebanyak 6.5% manakala sektor pembinaan sebanyak 7%.

Oleh itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2012 dijangka berada di antara 5% dan 6%.

Selaras dengan dasar untuk mengukuhkan ekonomi dalam negeri, Pakej Rangsangan Khas akan dilaksanakan melalui PFI ataupun "Private Financing Initiative". Pada tahun 2012, projek-projek yang berjumlah RM 6 billion akan dilaksanakan. Ini akan melibatkan projek-projek seperti menaik taraf dan penyelenggaraan sekolah-sekolah, menaik taraf hospital, rancangan tebatan banjir, menaik taraf infrastruktur asas luar bandar dan pembinaan rumah awam.

Dengan ini, saya ingin mengulangi bahawa Malaysia mempunyai asas ekonomi yang kukuh untuk menghadapi krisis ekonomi di Eropah yang berterusan.



**PERTANYAAN**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**DARIPADA** DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
**TARIKH** 14 NOVEMBER 2011 (ISNIN)  
**SOALAN** NO. 16

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada pihak Kerajaan pernah menjalankan satu kajian untuk menentukan sama ada graduan-graduan kursus diploma kejururawatan di institut swasta di Malaysia berjaya dapat jawatan sebagai jururawat di hospital. Jika ya, apakah keputusan kajian tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan satu kajian yang dinamakan Kajian Pengesanan Graduan Institusi Pengajian Tinggi bermula tahun 2006. Kajian ini dilaksanakan bagi mengukur tahap *employability* dan *marketability* graduan serta persepsi mereka terhadap keberkesanan program akademik dan sistem penyampaian di institusi pengajian tinggi (IPT) masing-masing. Ia juga bertujuan untuk mengenal pasti status pekerjaan graduan dalam tempoh singkat iaitu 3 hingga 4 bulan selepas tamat pengajian. Kajian tersebut turut melibatkan graduan bagi peringkat

pengajian Sijil sehingga Ph.D dalam pelbagai jurusan termasuklah jurusan kejururawatan.

Hasil daripada kajian tersebut mendapati 78.3 peratus graduan Diploma Kejururawatan dari IPTS telah mendapat pekerjaan pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, peratusan tersebut telah menurun di mana pada tahun 2009 sebanyak 58.2 peratus dan tahun 2010 sebanyak 45.5 peratus graduan Diploma Kejururawatan dari IPTS telah mendapat pekerjaan.

Dapatan kajian tersebut juga menunjukkan, pada tahun 2008 sebanyak 96.3 peratus graduan Diploma Kejururawatan dari IPTS bekerja di hospital atau klinik-klinik. Manakala pada tahun 2009 peratusannya adalah sebanyak 98.5 peratus dan 93.8 peratus pada tahun 2010.

Soalan No : 17

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISA N</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN (TANJONG MANIS)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>14.11.2011</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan pemberian pakaian seragam sekolah, kasut, buku-buku dan alat-alat tulis kepada kanak-kanak sekolah yang terdiri daripada keluarga miskin dan miskin tegar di Pulau Bruit, Paloh, Mupong, Mupong Ulin, Selidap, Sungei Sian, Bakerong, Teluk Gelam, Kampung Berangan, Kampung Stalon, Sebayang, Tusok, Selalang, Sare, Kerubong dan Kerapa bagi tahun 2012.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin tentang isu pendidikan terutama kepada murid daripada keluarga miskin dan miskin tegar. Bagi meringan beban golongan miskin, bantuan persekolahan (berbentuk kewangan dan peralatan persekolahan) disalurkan di bawah bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). KWAPM yang telah diwujudkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, memberikan manfaat dalam membantu murid miskin meneruskan persekolahan. Bantuan ini diberikan kepada murid yang keluarganya berpendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan Nasional, tidak kira di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Ingin dimaklumkan bahawa pembayaran KWAPM bagi tahun 2011 dilaksanakan kepada murid yang layak dengan menggunakan senarai nama daripada Data Sedia Ada (DSA) di peringkat KPM (melalui permohonan individu) dan senarai nama e-KASIH yang disediakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Berhubung dengan bantuan KWAPM bagi kawasan Parlimen **Tanjong Manis** yang meliputi kawasan-kawasan seperti yang dibangkitkan, untuk tahun 2011 sahaja, seramai 1,643 murid yang memenuhi kriteria pemberian KWAPM telah mendapat bantuan tersebut dengan jumlah bantuan sebanyak **RM387,100.00**

Bantuan KWAPM tersebut adalah berbentuk tunai untuk ibu bapa membeli keperluan persekolahan anak-anak seperti pakaian seragam, beg, kasut sekolah serta alat tulis. Ia juga boleh diberikan dalam bentuk barangan, tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan di peringkat sekolah yang turut melibatkan wakil ibu bapa/penjaga dalam menentukan bentuk agihan yang bersesuaian.



Soalan No : 18

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISA  
N**  
**DARIPADA**                      **Y.B. TUAN LIM GUAN  
ENG (BAGAN)**  
**TARIKH**                              **14.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah SMJK Jit Sin, Bukit Mertajam dan SRJK (C) Yang Cheng, Teluk Kumbar Pulau Pinang bakal mendapat permit daripada Kementerian bagi mendirikan sekolah cawangan SMJK Jit Sin atas tanah yang di derma oleh pihak swasta di Seberang Perai Selatan dan pemindahan baru di tanah yang diberikan kepada SRJK (C) Yang Cheng oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan pembinaan sekolah cawangan SMJK Jit Sin, Pulau Pinang, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang memperincikan permohonan tersebut. Sehubungan itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan oleh Kementerian bersama-sama pihak berkepentingan bagi mencari jalan penyelesaian terhadap perkara tersebut. Antaranya perbincangan terkini yang telah diadakan ialah:

- i. Perbincangan bersama Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Presiden MCA yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Pelajaran pada **31 Oktober 2011**;

- ii. Perbincangan di antara pengurusan tertinggi Kementerian Pelajaran Malaysia bersama Barisan Nasional Pulau Pinang dan Lembaga Pengelola Sekolah Jit Sin, Pulau Pinang pada **9 November 2011** yang juga dipengerusikan oleh YAB Menteri Pelajaran; dan
- iii. Mesyuarat pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran Malaysia yang dipengerusi oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pada **10 November 2011** bagi membincangkan perkara ini.

Dalam hal ini, sebarang keputusan yang akan diambil adalah bertujuan untuk memenuhi tuntutan masyarakat setempat, demi pendidikan anak-anak di kawasan tersebut. Kementerian juga memastikan keputusan yang diambil tidak bercanggah dengan dasar sedia ada yang perlu dipatuhi.

Berhubung dengan permohonan perpindahan SJKC Yan Cheng ke kawasan baru seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, permohonan tersebut telah diterima oleh Jabatan Pelajaran Pulau Pinang pada **10 November 2011**. Sehubungan itu, perkara tersebut akan dipanjangkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk diteliti dan dipertimbangkan sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Rjm 75

## **SOALAN : 19**

### **MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN            LISAN**

**DARIPADA            YB TUAN WILLIAM @ NYALLAU  
                                 ANAK BADAK**

**(LUBOK ANTU)**

**TARIKH                    14 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah phak kementerian mengambil perhatian dan tindakan serius untuk memajukan projek bekalan elektrik Luar bandar alternatif melalui sistem Mini Mikro Hidro untuk kemudahan penduduk yang jauh di pedalaman Sarawak.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di negeri Sarawak dilaksanakan melalui dua (2) kaedah iaitu sambungan talian grid dari talian elektrik SESCO manakala bagi kawasan pedalaman yang tidak kesampaian serta tidak ekonomik untuk disambung menggunakan talian grid,



Kementerian akan melaksanakan projek alternatif seperti sistem mikro hidro yang terbukti berkesan dan diterima oleh Phak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN).

Pada tahun 2011, Kementerian telah siap menjalankan kajian potensi pembangunan projek mikro hidro di negeri Sarawak. Berdasarkan kepada laporan akhir kajian potensi sistem mikro hidro di kawasan yang dikaji, Kementerian telah memulakan pelaksanaan projek mikro hidro di tiga (3) kawasan di daerah Sri Aman dan Baram yang amat berpotensi untuk dibangunkan dengan sistem mikro hidro. Projek BELB sistem mikro hidro di Kampung Semulung Ulu dan Ng. Sengaih, Sri Aman dilaksanakan secara usahasama antara Kementerian dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Pelaksanaan projek telah dimulakan pada bulan Ogos 2011 dan pihak UNIMAS menjangkakan bahawa projek ini akan dapat disiapkan pada bulan Ogos 2012. Kementerian juga menawarkan tender untuk pelaksanaan projek BELB sistem mikro hidro di Long Bangga, Baram pada bulan Oktober 2011. Kementerian menjangkakan bahawa kerja-kerja pembinaan projek di Long Bangga akan dimulakan pada bulan Disember 2011

selepas semua kerja-kerja awalan disempurnakan oleh pihak kontraktor.

Kementerian akan meneruskan kajian untuk meneroka potensi tenaga diperbaharui di negeri Sarawak khususnya dari sumber hidro bagi memastikan semua penduduk di kawasan pedalaman Sarawak menikmati kemudahan bekalan elektrik.

**NO. SOALAN : 20**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS \_\_\_\_\_(2011)\_\_\_\_\_**

**PETANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang masalah penguatkuasaan JAKIM dalam memastikan proses penyembelihan secara halal mengikut piawaian yang ditetapkan.**

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta agensi-agensi lain yang berkaitan sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi menjamin

proses penyembelihan secara halal mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan melalui 3 kaedah, iaitu:

- i. **Pemantauan Berkala** iaitu dilakukan ke atas Rumah Sembelih yang ada sijil halal JAKIM sekurang-kurangnya sebulan sekali. Jadual Pemantauan berkala dibuat sebanyak dua kali dalam masa sebulan.
- ii. **Pemantauan Aduan Awam** iaitu dilakukan bersama dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Veterinar, Jabatan Kastam, Pihak berkuasa tempatan dan agensi yang difikirkan perlu.
- iii. **Pemantauan Susulan** iaitu pemeriksaan terhadap syarikat yang gagal mematuhi Piawaian Pensijilan Halal berdasarkan pemeriksaan terdahulu. Pemeriksaan akan diberikan keutamaan kepada syarikat yang melakukan kesalahan besar dan diambil tindakan gantung sijil atau penarikan sijil. Ini bagi memastikan syarikat telah membuat pembetulan ke atas ketidakakuran dan juga telah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

**LISAN**

DARIPADA

**DATO' LILAH BIN YASIN**

TARIKH

**14 NOVEMBER 2011**

SOALAN

**Minta PERDANA MENTERI menyatakan**

- (a) Sejauh manakah kejayaan program FELDA sebagai gedung makanan negara; dan
- (b) Apakah program yang sudah dilaksanakan di FELDA Parlimen Jempol dan berapakah implikasi kewangannya.

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JPM**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan lisan yang turut dikemukakan oleh **Ahli Yang Berhormat Setiu pada 13 Oktober 2011** yang lalu kerana soalan ini adalah sating berkaitan. Sebagaimana sedia maklum, Gedung Makanan Negara (GMN) dilancarkan oleh Kerajaan pada Julai 2009 dengan tujuan untuk meningkatkan bekalan makanan negara dan pada masa yang sama mengurangkan perbelanjaan import.

Projek GMN menumpukan kepada beberapa produk yang mempunyai permintaan yang tinggi iaitu pengeluaran pisang berangan dan cavendish, ternakan ikan tilapia, ternakan lembu secara fidlot, tanaman cili dan rock melon. Pengeluaran produk ini dilaksanakan melalui kaedah penanaman moden seperti sistem fertigasi, amalan teknologi baru, tanaman skala besar dan lain-lain. Terdapat empat (4) strategi utama dalam memastikan kejayaan pelaksanaan GMN ini. Strategi pertama adalah komitmen pengurusan dalam membangunkan projek GMN dengan bajet yang mencukupi. Kira-kira RM700 juta diperuntukkan untuk program GM ini dalam tempoh 10 tahun.

Strategi kedua ialah penggunaan teknologi moden bagi memastikan pengeluaran produk di tahap yang maksimum. Sebagai contoh, tanaman cili dan rock melon menggunakan struktur pelindung tanaman (SPT) dan

sistem fertigasi, sistem pengudaraan *Aerotube* untuk ternakan ikan tilapia, sistem fidlot untuk ternakan lembu, integrasi tanaman untuk tanaman pisang dan amalan teknologi pertanian yang lain. Kursus dan latihan juga diberikan kepada para pengusaha yang terlibat di dalam Projek GMN bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang penanaman dan penternakan di samping perkongsian maklumat antara agensi Kerajaan yang berkaitan.

Ketiga pengeluaran produk berkualiti dengan mematuhi piawaian yang ditetapkan. Pemantauan secara berkala juga akan dilaksanakan bagi memastikan setiap operasi pengendalian projek mencapai tahap optimum. Keempat adalah pengurusan rantai pembekalan dengan mewujudkan rantai pembekalan, pemasaran dan penjenamaan bagi produk GMN. Penilaian potensi pasaran tempatan dan antarabangsa secara komprehensif akan dilaksanakan bagi membina keupayaan pemasaran dan jenama produk GMN.

Pelaksanaan Projek GMN telah dijalankan secara berperingkat melibatkan 602 pengusaha yang terlibat dalam program penanaman pisang berangan dan cavendish, ternakan ikan tilapia, ternakan lembu secara fidlot, tanaman cili dan rock melon secara fertigasi dan penanaman nanas. Sejumlah RM24.12 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan kesemua projek GMN ini. Sehingga kini terdapat projek-projek yang telah mendatangkan hasil iaitu penanaman pisang berangan, ternakan ikan tilapia, lembu fidlot dan tanaman cili fertigasi yang hasil jualanannya sehingga September 2011 berjumlah RM2.41 juta dengan purata pendapatan tambahan yang diperolehi pengusaha RM 1,200 sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jempol, Kerajaan telah mengenal pasti kawasan sesuai untuk melaksanakan projek tanaman nanas varieti N36 yang ditanam secara integrasi bersama tanaman getah. Berdasarkan kepada cadangan, projek ini akan dilaksanakan di lima (5) buah kawasan dalam Parlimen Jempol iaitu Palong 9, Palong 10, Palong 11, Palong 12 dan Palong 13 membabitkan bajet berjumlah RM16.2 juta. Secara keseluruhannya, projek ini akan dimajukan di kawasan seluas 1,099 hektar melibatkan 274 pengusaha. FELDA Palong 9 telah dipilih sebagai projek perintis melibatkan kawasan seluas 600 ekar bermula Ogos 2011 dan dijangka akan membuahkan hasil pada Oktober 2012. Program ini dijalankan dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).



**NO SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B TUAN LIEW**

**CHIN TONG (BUKIT BENDERA)**

**14.11.2011**

**TARIKH**

**(ISNIN)**

**SOALAN :**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan operasi anggota tentera darat berpatrol bersama dengan polis:-**

- (a) atas undang-undang atau perlembagaan apa yang membenarkan tentera darat diatur gerak menjalani fungsi polis; dan**
- (b) kerugian dari segi kos dan masa latihan kerana membenar polis mengguna fasiliti dan kem.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Adalah jelas dan nyata bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di berikan peranan dalam tugas operasi bersama Poll's Diraja Malaysia (PDRM) atas dasar membantu berasaskan perundangan Negara, Ia dilaksanakan sebagai *force protection* kepada semua anggota ATM yang melaksanakan tugas.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Isu kerugian tidak wujud sama sekali malah ia memberi keuntungan dari segi kos dan juga melalui *Maximum Utilization of Resources* kepada kedua-dua agensi.**

**NO.SOALAN :23**  
**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN**  
**KEDUA BELAS \_\_\_\_\_ (2011) \_\_\_\_\_**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>	
<b>DARIPADA</b>	<b>YB DATO' MOHD JIDIN</b>	<b>BIN</b>
	<b>SHAFEE [SETIU]</b>	
<b>TARIKH</b>	<b>14 NOVEMBER 2011 [ISNIN]</b>	

**SOALAN:**

**Dato' Mohd Jidin Bin Shafee [Setiu]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes penceraian mengikut pecahan negeri sepanjang tahun sebelum ini serta sejauh manakah status mahkamah malam yang dicadangkan sebelum ini bagi menangani kes tertunggak di Mahkamah Syariah.

**JAWAPAN:** (Y.B SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendaftaran kes perceraian di Mahkamah Syariah diseluruh negara bagi tempoh dari 2005 hingga 2010 ialah 156, 611 kes. Lima buah negeri yang menunjukkan statistik pendaftaran kes perceraian yang tertinggi bagi tempoh tersebut ialah **Selangor** sebanyak 34,558 kes, **Terengganu** sebanyak 15,810 kes, **Johor**

sebanyak 12,411 kes, Perak sebanyak 12,035 kes dan Sabah sebanyak 11,963 kes.

Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri sentiasa bersedia melaksanakan perbicaraan pada waktu malam dengan mempertimbangkan beberapa faktor-faktor iaitu:

- pihak mahkamah sendiri menawarkan perbicaraan malam diadakan;
- persetujuan dari pihak terlibat ataupun permintaan dari peguam; dan
- perbicaraan malam ini mengutamakan pihak terlibat atau saksi-saksi yang tinggal diluar bidangkuasa Mahkamah Syariah tersebut.

Pada masa kini, Mahkamah Tinggi Syariah Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan banyak mengendalikan kes-kes perbicaraan pada waktu malam. Antaranya ialah :

- a) kes fasakh - (pihak-pihak tinggal jauh dari mahkamah);
- b) kes pengesahan perintah - (atas permohonan peguam); dan
- c) kes hadhanah -(pihak-pihak tinggal jauh dari mahkamah)

Sekian, terima kasih.

No. Soalan : 24  
PR-1243-L45699

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]
TARIKH	14 November 2011, Isnin
SOALAN	Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan adakah berita bahawa Kerajaan China menghalang umat Islam berpuasa di kawasan Urumqi benar dan apakah tindakan yang telah diambil untuk membela nasib mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, salah satu daripada prinsip asas dasar luar Malaysia adalah untuk tidak mencampuri urusan dalaman negara lain atau, dengan izin, *non-interference* dan juga menghormati kedaulatan negara lain. Justeru, Malaysia tidak mencampuri urusan pentadbiran dalaman China. Selama ini juga, Kerajaan China tidak mencampuri urusan pentadbiran dalaman Kerajaan Malaysia di atas prinsip-prinsip yang sama. Sebagaimana juga rakyat dan Kerajaan Malaysia tidak mahu negara asing campur tangan di dalam urusan domestik kita, maka adalah wajar Malaysia tidak mencampuri urusan negara lain di atas prinsip saling menghormati.

3. Dakwaan mengenai tindakan Kerajaan China yang menghalang umat Islam di Urumqi menjalankan ibadah puasa dan ibadah-ibadah lain tidak dapat dibuktikan kesahihannya. Dakwaan tersebut barangkali juga timbul dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu di China dengan niat tersendiri. Mengikut apa yang dinyatakan secara rasmi oleh Kerajaan China, walaupun negara tersebut tiada agama rasmi, tetapi ada termaktub di dalam Perlembagaan negara tersebut perkara mengenai kebebasan beragama. Kerajaan China juga secara prinsipnya tiada halangan ke atas amalan-amalan ibadah Islam di China, seperti di dalam penghantaran jemaah Islam dari China untuk menunaikan haji.



Kerajaan China juga telah mewujudkan sebuah badan dikenali sebagai, dengan izin, "*China Islamic Association*", bagi manfaat umat Islam di China.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS \_\_\_\_\_ (2011) \_\_\_\_\_

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
(KINABATANGAN)

TARIKH 14 NOVEMBER 2011 [ISNIN]

SOALAN

Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan agar peristiwa penyebaran agama lain dikalangan umat Islam tidak berleluasa.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BAHAROM (B) MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam penggubalan sesuatu undang-undang, Kerajaan amat teliti dan perlu mengambil berat peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan faktor-faktor lain yang berkaitan. Salah satu faktor yang perlu dipertimbangkan adalah kepentingan-kepentingan orang Islam dan bukan Islam dalam negara ini, khususnya yang melibatkan sensitiviti agama masing-masing.





Berhubung dengan tindakan Kerajaan terhadap kegiatan penyebaran agama bukan Islam, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah- langkah yang sewajarnya bagi mengawal perkembangan penyebaran agama bukan Islam kepada orang-orang Islam di Malaysia melalui penggubalan Undang-Undang Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam. Tindakan ini adalah berdasarkan kepada Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa undang-undang negeri dan Persekutuan boleh digubal untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Beberapa buah negeri telah mempunyai undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam. Undang-undang ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang menganuti agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam.

Negeri-negeri yang telah menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam ialah Terengganu, Kelantan, Selangor, Melaka, Kedah, Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Perlis. Kesalahan penyebaran agama lain (bukan Islam) di kalangan umat Islam adalah satu kesalahan yang dibicarakan di Mahkamah Sivil kerana Enakmen berkenaan dibuat mengikut peruntukan Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.



NO. SOALAN : 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN**

**DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD**

**[ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH**

**14.11.2011(ISNIN)**

**DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [ KUALA SELANGOR ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh mana komitmen Kerajaan BN untuk membanteras urus-tadbir secara monopoli dan oligopoli khususnya dalam mengendalikan barang keperluan asas seperti beras, gula, tepung yang sekali gus memberi ruang mereka membentuk kartel dan mencetuskan ketidakefisienan dan pengherotan (distortion) pasaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telahpun menubuhkan satu entiti baru, iaitu Suruhanjaya Persaingan Malaysia ataupun Malaysia Competition Commission (MyCC) untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 yang akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2012. Akta ini bertujuan untuk mengawalselia pasaran bagi memastikan tidak ada unsur-unsur anti-persaingan seperti monopoli atau oligopoli di dalam pasaran. Namun sebelum sesuatu tindakan diambil, penyiasatan harus dilakukan untuk menentukan bahawa sesuatu kartel itu

SOALAN NO. 27

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

wujud.

**SOALAN NO. 28**

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TENG BOON SOON  
[TEBRAU]

TARIKH 14 NOVEMBER 2011 (ISNIN)

**SOALAN**

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat mana kajian feasibiliti melaksanakan projek *High Speed Train* Kuala Lumpur-Singapura telah dilangsungkan. Apakah implikasi dan impak projek ini terhadap ekonomi negara.



**SOALAN NO. 27**

**JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA**  
**MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek *High Speed Train* telah dicadangkan sebagai salah satu projek utama untuk Greater KL / Lembah Klang, Program Transformasi Ekonomi kerana ia mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

S.P.A.D kini sedang menjalankan kajian kemungkinan untuk mengenal pasti manfaat kereta api laju kepada Malaysia. Antara aspek yang dikaji termasuk dari sudut faedah, risiko, impak dan sebagainya. Dalam usaha S.P.A.D untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan negara, S.P.A.D turut menumpukan penambahbaikan dan peningkatan mutu perkhidmatan pengangkutan awam. Selaras dengan peranan S.P.A.D sebagai agensi perancang, kawal selia dan penguat kuasa dalam bidang pengangkutan awam di Negara ini, S.P.A.D akan bekerjasama dengan pengendali kereta api dan pemegang aset kereta api untuk memastikan mutu perkhidmatan



**SOALAN NO. 27**

kereta api sentiasa cekap dan diyakini oleh orang ramai.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 28**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DR. RAMASAMY A/L PAL AN IS AMY [ BATU KAWAN ]
TARIKH	14 November 2011

SOALAN:

Dr. Ramasamy *all* Palanisamy [ Batu Kawan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik penjawat awam di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) daripada kaum Orang Asli mengikut jantina serta jabatan, gred dan tahap jawatan.



**NO. SOALAN : 28**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 12 Oktober 2011, seramai 2,098 (0.16%) orang pegawai dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah dari kalangan kaum Orang Asli. Daripada jumlah tersebut, 3.90% berada dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54) manakala 96.10% berada dalam Kumpulan Sokongan (Gred 1 hingga 40).

Pecahan mengikut jantina pula, 70% kaum Orang Asli yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam Persekutuan adalah lelaki dan 30% adalah wanita.

Sekian, terima kasih.



**SOALAN NO: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR  
BIN HAJI SALLEH

TARIKH: 14 NOVEMBER 2011

SOALAN:

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) berapa ramaikah jumlah sebenar tenaga buruh dari Republik Indonesia yang sedang bekerja di negeri Sabah; dan
- (b) apakah impaknya ke atas industri pembangunan atau perladangan dan apakah Kementerian mempunyai pelan kontingensi segera untuk menampung keperluan tenaga kerja negeri Sabah sekiranya pekerja-pekerja ini pulang ke negara asal mereka.

PR-1243-L45674

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah tenaga buruh dari Republik Indonesia yang sedang bekerja di Sabah sekarang ialah 46,884 orang. Statistik ini adalah berdasarkan jumlah yang dilesenkan di bawah Ordinan Buruh Sabah,

Bab 67. Pecahan mengikut jantina adalah seperti berikut :-

Lelaki	-	31,452orang
Perempuan	-	15,432 orang

2. Sejumlah 31,891 atau 68% adalah digaji di industri pertanian (perladangan) manakala sejumlah 4,666 orang atau 10% bekerja sebagai pembantu rumah dan 3,031 orang atau 6% bekerja di sektor perkilangan. Ini adalah tiga sektor yang menggaji ramai pekerja Indonesia. Manakala seramai 7,296 orang dari lain-lain sektor

3. U  
Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, Sekiranya pekerja Indonesia balik ke negara asal dalam jumlah yang besar dan tidak kembali lagi, fenomena ini akan mengakibatkan beberapa industri yang sangat bergantung kepada tenaga kerja Indonesia terjejas. Sektor perladangan akan mengalami kekurangan pekerja yang teruk sebab majikan memang tidak dapat merekrut pekerja tempatan untuk menggantikan mereka.

Tuan Yang Di Pertua,

4. K  
Kerajaan Negeri tidak mempunyai pelan kontigensi yang spesifik untuk menampung keperluan tenaga kerja Negeri Sabah sekiranya pekerja dari Indonesia meninggalkan Sabah dalam jumlah yang besar. Walau bagaimanapun, jumlah negara sumber untuk merekrut pekerja asing

telah ditambah. Dahulu ianya terhad kepada Indonesia dan Filipina. Sekarang, kerajaan negeri telah membenarkan pengambilan pekerja asing daripada Bangladesh, Vietnam, Myanmar dan Nepal. Dengan bertambahnya negara sumber, para majikan akan mendapat lebih banyak lagi pilihan untuk merekrut pekerja asing yang diperlukan. Sekaligus ini akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja dari Indonesia.

*m3 0&-1 (Dis. II) has...20.9.U/A6du(gfiapurLA5674*

#### **DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN**                      LISAN

**DARIPADA**                      :    TUAN WONG HO LENG [SIBU]

**TARIKH**                         :    14NOVEMBER 2011

**SOALAN:**

**Tuan Wong Ho Leng [Sibu]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengemas kini program mitigasi banjir di Sibu, khususnya peringkat pelaksanaan/penyiapan dan jumlah duit yang terlibat.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir di Bandar Sibu telah berlaku sejak tahun 1949. Cadangan yang paling efektif untuk mengatasi permasalahan ini ialah dengan membina ban banjir dan menyediakan sistem pam. Ban banjir akan melindungi bandar daripada banjir manakala pam akan digunakan bagi mengepam atau mengeluarkan air ke sungai bagi kawasan yang rendah. Kos keseluruhan untuk menjalankan kerja-kerja pencegahan banjir di Bandar Sibu adalah dianggarkan sebanyak RM588.0 juta.

Kerja-kerja Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu Fasa 1 telah bermula pada 9 Februari 2009 dengan kos sebanyak RM 137,151,089.61 dan dijangka akan siap pada 8 Februari 2012. Peratus kemajuan projek sehingga kini ialah 78.2%.

Selain itu, Kementerian juga telah menyiapkan beberapa projek menaiktaraf sistem perparitan di sekitar Bandar Sibu dengan kos sebanyak RM78.0juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua.

Di bawah *First Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)pula, peruntukan sebanyak RM70.0 juta telah diluluskan untuk menjalankan kerja-kerja Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bandar Sibu Fasa 2. Projek ini dijangka akan mula dilaksanakan pada Januari 2012. Di samping itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) juga akan

melaksanakan kerja-kerja pengorekan di kawasan Sungai Batang Rajang berhampiran Pulau Kreto bagi mengurangkan kejadian banjir. Kerja-kerja iniyang dianggarkan berjumlah RM10.0 juta akan mula dilaksanakan pada November 2011.

Sekian, terima kasih.  
PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN

[ KOTA BELUD ]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2011

SOALAN :

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [ Kota Belud ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa SPRM jarang menguatkuasakan peruntukan 29(4) dalam Akta SPRM 2009 yang melarang menghebahkan aduan rasuah mereka kepada sesiapa termasuk media.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sentiasa memberi peringatan kepada pengadu-pengadu supaya tidak mendedahkan aduan yang dibuat kepada mana-mana pihak termasuk media. SPRM tidak menggalakan mana-mana pengadu mendedahkan apa-apa salah laku kepada mana-mana pihak termasuk media, kerana *element of surprise*(dengan izin) adalah kritikal dalam menentukan kejayaan

sesuatu penyiasatan/kes. Sekiranya, pengadu berdegil juga dengan melanggar peruntukan undang-undang ini, maka SPRM tidak teragak-agak untuk menguatkuasakan peruntukan Seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Walau bagaimanapun, apa yang berlaku adalah pendedahan berkenaan bukan dilakukan oleh pengadu sendiri tetapi melibatkan pihak ketiga yang tidak dapat dikaitkan dengan pengadu. Pihak ketiga ini menggunakan bahan berita daripada internet, blogger dan sebagainya untuk dijadikan sebagai satu aduan, di samping menjadikan SPRM sebagai saluran untuk *political milleage* (dengan izin) kepada mereka.

Sekian, terima kasih.

r/

**NO' tofirLPrN ' Z**

NO. AUM

~~NO~~ : ~~23~~  
AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN [ PENGKALAN CHEPA ]
TARIKH	14 NOVEMBER 2011
RUJUKAN SOALAN:	4179

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) jumlah residen Penduduk Tetap (PR) yang berada di Malaysia lebih daripada 20 tahun dan lebih daripada 15 tahun; dan
- (b) lebih daripada 10 tahun dan jumlah yang telah diberikan Kad Pengenalan Biru mengikut jantina dan bangsa sehingga 30 Jun **2011.**



**JAWAPAN:**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah pemegang kad pengenalan bertaraf pemastautin tetap yang telah tinggal di Malaysia melebihi 20 tahun adalah seramai 195,231 orang dan yang kurang 20 tahun adalah seramai 105,243 orang. Pemastautin tetap yang telah diberikan kad pengenalan biru (MyKad) sehingga 30 Jun 2011 adalah berjumlah 14,520.

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH JAWAPAN :  
DI DEWAN RAKYAT**

**14 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah jumlah yang terlibat dalam projek "Centralised Sewerage System for Kuching City", nama kontraktor yang dianugerahkan projek tersebut dan sama ada penganugerahan kontrak itu adalah melalui proses tender

**NO. SOALAN : 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

terbuka. Bilakah projek itu akan siap dibina.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Projek *'Kuching Centralised Waste Water Management System Package V* merupakan sebahagian daripada inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memodenkan perkhidmatan pembetungan di Bandar Raya Kuching. Usaha ini selari dengan matlamat menjadikan Bandar Raya Kuching sebagai destinasi pelancongan pilihan di peringkat antara bangsa dan domestik di samping untuk memastikan penjagaan alam sekitar daripada pencemaran efluen kumbahan terkawal.

Pelaksanaan projek ini melibatkan kos sebanyak RM529.988 juta. Daripada jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan membiayai sebahagian daripada kos projek dalam bentuk pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak RM 150.8 juta. Sementara selebihnya dibiayai sendiri oleh Kerajaan Negeri. *Kumpulan-Nishimatsu-Hock Seng Lee Consortium (KNH)* adalah Syarikat Kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Setakat hari ini, kerja-kerja pembinaan berjalan mengikut jadual dan dijangka siap pada 14 Oktober

2012 akan datang.





No. Soalan : **34**  
PR-1243-L47009

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
BAGI JAWAB  
LISAN  
DEWAN  
RAKYAT**

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN  
AWANG [MARANG]

14 NOVEMBER 2011

Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah sikap Malaysia terhadap usaha Palestin bagi mendapat pengakuan kedaulatan sebuah negara daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).



JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pada tahun 1988, Kerajaan Malaysia telah mengiktiraf penubuhan negara Palestin berdasarkan sempadan 1967 dan Jerusalem Timur sebagai ibu kota. Malaysia sentiasa memainkan peranan yang aktif dalam usaha mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan di dalam konflik Israel - Palestin, khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Dalam hal ini, Malaysia menyokong sepenuhnya Pihak Berkuasa Palestin untuk menjadi anggota tetap PBB. Pendirian ini telah ditegaskan secara konsisten oleh saya semasa berucap di Perhimpunan Agung PBB pada 27 September 2011 dan YAB Perdana Menteri melalui pelbagai kenyataan rasmi dalam platform-platform antarabangsa seperti mesyuarat-mesyuarat Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan sebagainya.

3. Semasa Mesyuarat Memperingati Ulangtahun Penubuhan NAM Yang Ke-50 pada 5 September 2011 di Belgrade, Serbia saya telah menyeru supaya 21 negara anggota NAM yang belum menyatakan pengiktirafan kepada Palestin agar segera berbuat demikian pada sesi ke-66 Perhimpunan Agung PBB di New York pada September 2011.

4. Saya turut menyatakan pendirian Malaysia semasa kunjungan hormat Duta Besar Amerika ke atas saya pada 14 September 2011 di

Putrajaya dan kunjungan hormat Penolong Setiausaha Negara Amerika Bagi Hal Ehwal Asia dan Pasifik pada 22 September 2011 di New York. Memandangkan tiada jalan penyelesaian dalam rundingan damai antara Palestin dengan Rejim Israel, Malaysia mengambil pendirian bahawa tuntutan kemerdekaan negara Palestin melalui pengiktirafan sebagai negara anggota PBB di Majlis Keselamatan dan Perhimpunan Agung PBB adalah langkah yang terbaik untuk menyelesaikan konflik Palestin-Israel yang telah berlarutan selama enam dekad.

5. Di samping itu, pada 22 September 2011, saya juga telah membangkitkan semasa Mesyuarat Kumpulan Kerja Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) mengenai Bosnia dan Herzegovina dimana betapa pentingnya Bosnia dan Herzegovina sebagai ahli Majlis Keselamatan PBB untuk memberikan sokongan kepada Palestin. Selain itu, semasa Mesyuarat Jawatankuasa Enam Anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) mengenai Palestin saya telah memaklumkan kekecewaan Malaysia terhadap ucapan oleh Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama di Perhimpunan Agung PBB yang masih bertegas untuk Palestin menjalankan rundingan terus dengan Rejim Israel. Saya telah memaklumkan bahawa Malaysia akan terus memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Palestin dan akan meneruskan usaha untuk mendapatkan sokongan daripada negara-negara lain bagi keanggotaan Palestin di PBB.

6. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia turut menyokong tindakan Hamas dan Fatah yang telah bersetuju untuk menamatkan persengketaan di antara mereka dan bersetuju untuk berdamai antara satu sama lain bagi membentuk Kerajaan Perpaduan Palestin untuk

merintis usaha menuntut kemerdekaan di Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu .

7. Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia sekali lagi ingin menyatakan sokongan kepada usaha Palestin untuk menuntut kedaulatan sebuah negara daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang mampu menjanjikan perdamaian yang berpanjangan.

Sekian, terima kasih.

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PERMATANG PAUH)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>14.11.2011 (ISNIN)</b>

**SOALAN :**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan butiran mengenai rancangan Program Pembangunan Network Centric Operations Angkatan Tentera Malaysia, nyatakan implikasi kos program tersebut dan sebut harga yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat serta rasional pemilihan syarikat yang berjaya.**

NO SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

I

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Pembangunan NCO ATM adalah satu Program Strategik Transformasi ATM berlandaskan kepada *developing and leveraging information superiority* sepertimana penekanan dalam Dasar Pertahanan Negara dan Pelan Pembangunan Keupayaan *Fourth Dimension Malaysian Armed Forces (4D MAF)* yang memberi penekanan terhadap penguasaan informasi di dalam Dimensi Peperangan Informasi untuk memelihara keselamatan negara. Pembangunan keupayaan melalui Konsep NCO juga telah mengambil kira perkembangan keselamatan geostrategik semasa, konsep peperangan baru dan juga perkembangan teknologi maklumat masa kini.

Konsep dan Pembangunan NCO ATM yang akan dilaksanakan ini telah diperakui dan dipersetujui oleh ATM. Program Pembangunan NCO ATM ini merupakan satu program untuk mengintegrasikan semua elemen dalam ATM dalam satu jaringan (*networking*). Program ini juga merupakan pelan pembangunan keupayaan ATM untuk menyediakan satu angkatan tentera yang lebih kredibel dan versatil bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab dalam menghadapi cabaran perubahan keselamatan geostrategik, teknologi dan konsep operasi ketenteraan masa kini dan hadapan.



**Tuan Yang di-Pertua,**

**Program NCO dirancang untuk dilaksanakan secara berfasa, bermula dari RMK-10 sehingga RMK-13 iaitu dalam tempoh 20 tahun. Buat masa ini, Syarikat Sapura Secured Technologies Sdn Bhd diberi tanggungjawab untuk membangunkan Program Pembangunan NCO ATM Fasa 1A yang melibatkan kos sebanyak RM 140 juta bagi tempoh dua (2) tahun. Bagi pembangunan fasa-fasa seterusnya adalah bergantung kepada prestasi dan kejayaan di dalam pembangunan Fasa 1A ini yang akan bermula pada Oktober 2011. Syarikat Sapura telah dipilih sebagai Peneraju Utama Program Pembangunan NCO ATM adalah berdasarkan kepada beberapa faktor seperti kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang pertahanan, keselamatan dan teknologi maklumat.**



**NO. AUM**

**NO.AUP**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA DATO<sup>1</sup> ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA  
BESAR ]**

**TARIKH 14 NOVEMBER 2011**

**RUJUKAN 4180**

**SOALAN:**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes jenayah siber sepanjang 2 tahun ini serta adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula undang-undang yang sedia ada bagi membolehkan pesalah dikenakan hukuman yang lebih berat dalam mengawal masalah ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Paya Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jenayah siber boleh didefinisikan sebagai perlakuan yang mempunyai niat tidak baik dan dikaitkan dengan siber melalui apa-apa cara yang boleh menyebabkan penderitaan dan kerugian yang berterusan. Terdapat tiga (3) kategori jenayah siber yang boleh disiasat oleh pihak polis iaitu jenayah yang melibatkan kandungan (*content*), penggodaman (*hacking*) dan juga penipuan atas talian (*online fraud*).

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, jumlah kes jenayah siber yang direkodkan dari tahun 2010 sehingga Ogos 2011 adalah sebanyak 10,735 kes dengan jumlah kerugian sebanyak RM106,620,293.92. Ianya termasuk 6,238 kes pada tahun 2010 dengan kerugian sebanyak RM65,203,266.48 dan 4,497 kes bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2011 dengan kerugian sebanyak RM 41,417,027.44.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian sentiasa berusaha memantapkan lagi penguatkuasaan

terhadap jenayah siber. Akta-akta lama yang digunapakai seperti Kanun Keseksaan, Kanun Acara Jenayah dan Akta Keterangan telah dikaji semula dan buat masa ini ianya dalam peringkat akhir kajian. Satu kajian lain yang komprehensif juga diadakan dengan agensi lain yang berkaitan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk mengkaji secara terperinci segala kelompongan undang-undang yang berkaitan dengan aktiviti jenayah siber.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
[ SEPANGGAR ]  
**TARIKH :** 14 NOVEMBER 2011

#### **SOALAN:**

**DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keputusan Kerajaan dalam pilihan raya umum ke-13 nanti sama ada untuk menggunakan dakwat kekal ataupun sistem biometrik. Berapa nilai perbandingan perbelanjaan penggunaan cara tersebut dan bagaimana dengan dakwat kekal yang dibekalkan sebelum pilihan raya

umum ke-12 lalu.

JAWAPAN: DATUK LIEW VUI KEONG  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 48,000 botol dakwat kekal yang telah dibeli dengan harga RM2.4 juta dari India untuk kegunaan pilihan raya umum ke-12 lepas, tetapi tidak dapat digunakan kerana masalah keselamatan dan perundangan seperti yang sering dijelaskan, **telah dilupuskan pada 25 Oktober 2009, mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Peraturan Kerajaan iaitu melalui proses pembakaran.**

Berhubung dengan cadangan sama ada untuk menggunakan dakwat kekal atau sistem biometrik, SPR sedang di peringkat mengkaji sama ada untuk menggunakan sistem biometrik atau pun menggunakan dakwat kekal bagi verifikasi pemilih semasa pilihan raya.

Justeru tidak timbul soal nilai perbandingan perbelanjaan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang diDipertua,

Kaedah sedia ada yang diamalkan pada masa ini, masih lagi relevan

SOALAN NO.38^

dan selamat serta menjamin ketelusan proses pengundian yang dilaksanakan.





**SOALAN NQ.38T3T**

Walaupun bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat berpendapat proses pilihan raya yang sedia ada perlu ditambahbaik lagi, maka sukacita dipohon untuk mengemukakan pandangan dan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk dikaji sebelum dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA** : TUAN KARPAL SINGH

[ BUKIT GELUGOR ]

**TARIKH** 14 NOVEMBER 2011

**SOALAN :**

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengenai langkah-langkah dan tindakan yang diambil untuk mengelakkan masalah jerebu yang berterusan yang menyelubungi negara terutamanya di kawasan Lembah Klang

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan yang diambil untuk mengelakkan masalah jerebu yang berterusan yang menyelubungi negara terutamanya di kawasan Lembah Klang ialah dengan mengambil tindakan di peringkat kebangsaan atau dalam negara dan tindakan di peringkat serantau.

Tindakan pencegahan yang diambil dalam negara bagi mengelakkan masalah jerebu setempat semasa cuaca panas dan kering ialah seperti berikut:

- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan dan rondaan darat bagi mengesan kes-kes pembakaran terbuka;
- ii. Melaksanakan Program Pencegahan Kebakaran dan Pengurusan Tanah Gambut yang mudah terbakar bagi mengelakkan kejadian kebakaran tanah gambut yang merupakan punca utama jerebu setempat. *Standard Operating Procedure* (SOP) program ini diaktifkan untuk mencegah kebakaran tanah gambut yang melibatkan agensi-agensi di bawah Kementerian;
- iii. Mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas pelepasan dari kenderaan bermotor;
- iv. Mempertingkatkan kerjasama serta membuat persediaan awal di kalangan agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan kawalan dan pencegahan pembakaran terbuka, terutama pada

musim panas dan kering yang biasanya berlaku pada bulan Jun hingga September setiap tahun. Pemantauan tindakan yang diambil oleh setiap agensi berkenaan dibuat melalui Jawatankuasa Induk Jerebu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar;

- v. Memantau perkembangan cuaca semasa dan ramalan cuaca terutama ketika musim panas dan kering dengan kerjasama erat daripada Jabatan Meteorologi Malaysia; dan
- vi. Memantau bilangan titik panas (hotspot) melalui imej satelit yang dilaporkan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, episod jerebu yang sering berlaku di negara ini terutamanya di Lembah Kelang adalah berpunca dari pencemaran jerebu merentas sempadan disebabkan kebakaran tanah dan hutan yang tidak terkawal di Wilayah Riau, Sumatera Indonesia. Oleh itu, pihak Kementerian akan secara berterusan meningkatkan kerjasama dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam forum-forum peringkat tertinggi serantau bagi menangani isu pencemaran jerebu merentasi sempadan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 39

**PERTANYAAN LISAN**  
**DARIPADA BEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**[LIBARAN]**

**TARIKH 14 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kemajuan projek- projek Kerajaan pusat menerusi RMK-10 setakat ini di Negeri Sabah mengikut kawasan Parlimen dan berapakah jumlah projek- projek yang terbengkalai, lewat dan masih belum dapat dimulakan lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) sehingga 1 November 2011, status kemajuan projek RMK-10 Negeri Sabah adalah seperti berikut:

<b>STATUS KEMAJUAN</b>	<b>BIL PROJEK</b>
<b>Dalam Perancangan (DP)</b>	<b>10</b>
<b>Belum Mula (BM)</b>	<b>1</b>
Ikut Jadual (IJ)	707
Dahulu Jadual (DJ)	136
<b>Lewat Jadual (U)</b>	<b>41</b>
Sudah Siap (SS)	395
Simpan Dalam Perhatian (SP)	12
<b>JUMLAH</b>	<b>1,302</b>

Senarai terperinci projek mengikut Parlimen adalah seperti di **Lampiran I**. Bagi projek-projek RMK-10 di Negeri Sabah, tiada projek yang dikategorikan sebagai projek terbengkalai. Manakala terdapat 41 projek RMK-10 di Negeri Sabah berstatus projek lewat jadual dan 11 projek di peringkat Dalam Perancangan (DP) dan masih belum dimulakan (BM) lagi.

## LAMPIRANI

## STATUS KEMAJUAN PROJEK NEGERI SABAH MENGIKUT PARLIMEN

BIL	PARLIMEN	BIL PROJEK	STATUS KEMAJUAN						
			DP	BM	IJ	DJ	LJ	SS	SP
1	Batu Sapi	18			9	4		5	
2	Beaufort	56	1		29	7	1	17	1
3	Beluran	80			37	6	3	34	
4	Kalabakan	32			13	3		16	
5	Keningau	76			42	5	1	28	
6	Kimanis	14			10			3	1
7	Kinabatangan	55			29	4	1	20	1
8	Kota Belud	80	1		44	11	3	20	1
9	Kota Kinabalu	42	1	1	17	4	4	14	1
10	Kota Marudu	54			26	11	3	14	
11	Kudat	70	1		31	9	2	26	1
12	Libaran	40			25	4		11	
13	Papar	38			24	3	2	9	
14	Penampang	38			25	4	1	8	
15	Pensiangan	65	1		31	5	2	25	1
16	Putatan	18			9	4	1	3	1
17	Ranau	57	1		21	7	1	27	
18	Sandakan	29			13	5	3	7	1
19	Semporna	44			20	5	1	18	
20	Sepanggar	48			31	4	3	10	
21	Sifam	70			39	7	2	21	1
22	Sipitang	40			22	3		14	1
23	Tawau	40	1		22	7	3	7	
24	Tenom	33			22	4		7	
25	Tuaran	86			55	1	3	27	

**LAMPIRANI**

26	Pelbagai Parlimen	79	3		61	9	1	4	1
<b>JUMLAH</b>		<b>1302</b>	<b>10</b>	<b>1</b>	<b>707</b>	<b>136</b>	<b>41</b>	<b>395</b>	<b>12</b>

maklumat SPPII setakat 1 November 2011

<b>Akronim Status Kemajuan</b>	
DP	Dalam Perancangan
BM	Belum Mula
IJ	Ikut Jadual
DJ	Dahulu Jadual
U	Lewat Jadual
SS	Sudah Siap
SP	Simpan Dalam Perhatian

**NO. SOALAN : 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH 14 NOVEMBER 2011**

**SOALAN:**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan permohonan biasiswa JPA yang diterima, diluluskan dan ditolak bagi tahun 2011 serta rayuan.



**NO. SOALAN : 40**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, seramai 467,970 orang calon telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berbanding seramai 465,853 orang pada tahun 2009. Bagi permohonan Program Ijazah Luar Negara (PILN) 2011, JPA telah menerima sebanyak **16,900 permohonan** dan daripada jumlah tersebut sebanyak **8,857 permohonan** diterima daripada kalangan calon yang **melempi syarat/gred minimum** yang telah ditetapkan mengikut bidang pengajian. **Peningkatan bilangan calon ini menjadikan PILN 2011 lebih kompetitif.**

Daripada 8,857 pelajar yang melepasi syarat dan dipanggil temu duga, hanya 1,500 pelajar sahaja yang berjaya ditawarkan PILN bagi tahun 2011. Apabila keputusan PILN 2011 diumumkan, hampir 5,000 rayuan daripada pelajar-pelajar yang gagal ditawarkan biasiswa tersebut telah diterima oleh Jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

SPRM sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam memastikan tiada ruang perlakuan jenayah rasuah dan ketirisan yang boleh memberi kesan negatif kepada pembangunan ekonomi negara tanpa mengira kedudukan dan status individu yang terlibat. Usaha Kerajaan memerangi rasuah dilaksanakan dengan penuh komitmen dan

terancang melalui penguatkuasaan undang-undang secara efektif dan aktiviti pencegahan yang menyeluruh.

Keberkesanan SPRM seperti yang telah dilaporkan oleh media massa dan media elektronik baru-baru ini melalui aktiviti operasi siasatan antaranya melumpuhkan kegiatan bersindiket rasuah seperti kes pembalakan haram, perlombongan haram dan penyeludupan pasir, kebocoran pintu masuk negara, kerugian berbillion ringgit di Sime Darby Berhad, aktiviti penyelewengan subsidi minyak diesel dan Ops 3B yang mana kegiatan ini jika dibiarkan boleh menjejaskan keselamatan dan ekonomi negara, serta menjejaskan alam sekitar.

SPRM tidak menumpukan secara khusus sektor-sektor yang terlibat dengan rasuah sebaliknya tindakan SPRM adalah menyeluruh dalam memastikan negara ini bebas daripada amalan rasuah. Setiap maklumat yang diterima dan mempunyai asas perlakuan rasuah akan disiasat dengan adil, telus dan profesional sama ada agensi kerajaan mahupun swasta.

Sekian, terima kasih.